



جابتن قرهوتنن نكري قيرق
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA,
BANDAR MERU RAYA,
30020 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-528 8100
: 05-528 8071
: 05-528 8072
: 05-528 8073
: 05-528 8075
Faks : 05-528 8101
Laman Web : www.perakforestry.gov.my



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : PPN.Pk (SILV) 4/10 Jld.2 ()
18 Mac 2026

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan & Sumber Manusia

Pegawai Hutan Daerah

Perak Selatan, Kinta/Manjung, Kuala Kangsar
Larut & Matang dan Hulu Perak

Tuan/Puan,

IKLAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN BANCIAN KAWASAN HUTAN MEMPUYAI NILAI PEMELIHARAAN YANG TINGGI (HCV) DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL, NEGERI PERAK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN SERTA KELENGKAPAN KERJA LUAR KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tercatat di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi akan mengeluarkan sebut harga bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Bancian Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCV) di dalam Hutan Simpanan Kekal, Negeri Perak serta Kerja-Kerja Berkaitan dan Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Peralatan serta Kelengkapan Kerja Luar ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2026. Bersama-sama ini disertakan sesalinan iklan sebut harga tersebut untuk dipamerkan di papan kenyataan dan di laman sesawang pejabat tuan/puan.

3. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF)

Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan




s.k. YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Timbalan Pengarah (Operasi)
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - untuk disiarkan di laman web Jabatan



TARIKH IKLAN : 19 MAC 2026

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 222104 atau 222105 bagi No. Sebut Harga PPN.Pk. (SH) 60/2026 (SILV) dan kod bidang 030401 bagi No. Sebut Harga PPN.Pk. (SH) 59/2026 (SILV) serta berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK/ TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP/MASA
1.	PPN.Pk. (SH) 60/2026 (SILV)	Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Bancian Kawasan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCV) di dalam Hutan Simpanan Kekal, Negeri Perak serta Kerja-Kerja Berkaitan: i. Di Sbhg. Kompt. 26A & 27A Hutan Simpanan Bubu (Meranti Lapis) Daerah Kuala Kangsar Seluas 5 hektar ii. Di Sbhg. Kompt. 142 Hutan Simpanan Temengor (Sira Tersau) Daerah Hulu Perak Seluas 10 hektar iii. Di Sbhg. Kompt. 28 & 29, Hutan Simpanan Gerik (Bunga Pakma dan Bunga Pakma Tikus), Daerah Hulu Perak Seluas 10 hektar	Tarikh : 31 Mac 2026 (Selasa) Masa : 10.00 pagi Tempat Berkumpul: Taman Eko Rimba Ulu Kenas Lawatan Tapak: Di Sbhg. Kompt. 26A & 27A Hutan Simpanan Bubu (Meranti Lapis) Daerah Kuala Kangsar	Tarikh : 7 April 2026 (Selasa) Masa : Waktu pejabat Tempat : Bahagian Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 14 April 2026 (Selasa) Masa : 12.00 Tengah hari



BIL	NO. SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	LAWATAN TAPAK/ TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP/MASA
2.	PPN.Pk. (SH) 59/2026 (SILV)	Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Peralatan serta Kelengkapan Kerja Luar ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2026	Tarikh : 7 April 2026 (Selasa) Masa : 10.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 3, Aras 2, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 7 April 2026 (Selasa) Masa : Selepas taklimat sebut harga Tempat : Bahagian Silvikultur & Kepelebagaan Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Tarikh : 14 April 2026 (Selasa) Masa : 12.00 Tengah hari



1. Kontraktor yang berminat untuk menyertai sebut harga ini **diwajibkan menghadiri sesi taklimat sebut harga dan lawatan tapak** sepertimana ketetapan Kenyataan Sebut harga.
2. Kontraktor yang berminat menghadiri lawatan tapak bagi **No. Sebut Harga PPN.Pk. (SH) 60/2026 (SILV)** dikehendaki mendapatkan **permit memasuki hutan simpanan kekal** melalui sistem e-Permit untuk tujuan ke lawatan tapak di lapangan serta memakai pakaian yang sesuai.
3. **Hanya penama syarikat yang sah sahaja** dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan perlu membawa dan menyerahkan **sesalinan**:
 - a) **Salinan Kad Pengenalan pemilik syarikat;**
 - b) **Sijil pendaftaran syarikat yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**
 - c) **Pendaftaran kod bidang yang masih aktif yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM);**
 - d) **Pendaftaran syarikat/kontraktor Pembangunan Hutan yang masih aktif dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak,**
 - e) **Salinan Permit Memasuki Hutan Simpan dan**
 - f) **Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)**
4. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli mulai **tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Kenyataan Sebut Harga sehingga sebelum tutup Sebut Harga** pada waktu pejabat di Bahagian Silvikultur & Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
5. Dokumen Sebut harga akan dijual dengan harga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** senaskah kepada syarikat/penama yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kad Debit/Kredit atau Bank Deraf, secara atas talian atau imbasan QR Code** atas nama **"BENDAHARI NEGERI PERAK"**. Bayaran secara **Wang Tunai tidak akan diterima.**
6. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri yang ditulis di penjuru kanan Sampul Surat No. Sebut Harga dan dialamatkan seperti di bawah dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan di dalam Kenyataan Sebut Harga.

**PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA
BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN**

